

## BAB V

### HUBUNGAN PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH DAN UJIAN-UJIAN HIPOTESIS

#### Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan ditumpukan terhadap perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dan pengujian terhadap hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk sebagai panduan kepada kajian ini. Ujian statistik yang digunakan untuk menunjukkan perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji adalah ujian Chi-Square ( $\chi^2$ ).

Pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam ujian ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu:

- (a) Pembolehubah-pembolehubah independen di bawah ciri-ciri latar belakang peribadi responden dan latar belakang syarikat.
- (b) Pembolehubah-pembolehubah dependen iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan gabungan masalah dalaman dan masalah luaran.

#### **5.1. Hubungan Di Antara Latar Belakang Peribadi Dan Latar Belakang Syarikat Dengan Masalah-masalah Yang Dihadapi Responden**

Pembolehubah-pembolehubah independen di bawah latar belakang individu yang diuji termasuk tahap pendidikan, tempat dibesarkan, pekerjaan terdahulu dan pengalaman menjalankan perniagaan manakala pembolehubah-pembolehubah latar belakang syarikat yang diuji termasuk sama ada menerima bantuan teknikal, sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa, sama ada pernah menjalani latihan, jenis latihan

yang diikuti, penyertaan dalam skim vendor dan saiz syarikat. Analisis tersebut menentukan hubungan setiap item dengan masalah-masalah yang dihadapi iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan masalah dalaman dan masalah luaran.

### 5.1.1. Hubungan Di Antara Latar Belakang Peribadi Dengan Masalah-masalah Dalaman Yang Dihadapi Dengan Prestasi Responden

Ujian yang dijalankan adalah untuk memastikan sama ada terdapat hubungan di antara latar belakang peribadi dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden.

Hipotesis untuk ujian ini adalah seperti berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden.

Keputusan dalam Jadual 5.1 menunjukkan bahawa tiada satu pun ciri-ciri peribadi responden yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah dalaman yang dihadapi. Semua angkuh-angkuh yang dikaji mempunyai nilai-p melebihi daripada 0.05 dan melanggar syarat penerimaan  $H_1$ .

**Jadual 5.1**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Peribadi dengan Masalah Dalaman Yang Dihadapi Oleh Responden**

Latar Belakang Peribadi	Nilai Chi-Square	Darjah Kebebasan	Nilai-p	Keputusan
Tahap pendidikan	0.8230	2	0.6626	Tidak signifikan
Tempat dibesarkan	1.0092	3	0.7990	Tidak signifikan
Pekerjaan terdahulu	3.9508	4	0.4127	Tidak signifikan
Pengalaman berniaga	1.6300	4	0.8033	Tidak signifikan

### 5.1.2. Hubungan Di Antara Latar Belakang Peribadi Dengan Masalah-masalah Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden

Analisis ini adalah bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara latar peribadi dengan masalah luaran yang dihadapi oleh responden. Ujian ini adalah berpandukan kepada hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah luaran yang dihadapi.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah luaran yang dihadapi.

Keputusan dalam Jadual 5.2 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah luaran yang dihadapi oleh responden memandangkan semua nilai-p adalah lebih besar daripada 0.05. Oleh itu,  $H_0$  diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

**Jadual 5.2**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Peribadi dengan Masalah Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden**

Tahap pendidikan	0.5970	2	0.7419	Tidak signifikan
Tempat dibesarkan	2.6898	3	0.4419	Tidak signifikan
Pekerjaan terdahulu	3.6620	4	0.4536	Tidak signifikan
Pengalaman berniaga	3.6458	4	0.4560	Tidak signifikan

### 5.1.3. Hubungan Di Antara Latar Belakang Peribadi Dengan Gabungan Masalah-masalah Dalaman dan Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden

Ujian ini dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat hubungan di antara latar belakang peribadi dengan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden. Hipotesis bagi ujian hubungan tersebut adalah seperti berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden.

Keputusan yang terkandung dalam Jadual 5.3 menunjukkan bahawa tiada satu pun ciri-ciri latar belakang peribadi mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden. Semua nilai-p yang dinyatakan adalah lebih besar daripada 0.05 dan ini bermakna  $H_1$  ditolak.

**Jadual 5.3**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Peribadi dengan Gabungan Masalah Dalaman dan Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden**

Tahap pendidikan	0.8097	2	0.6670	Tidak signifikan
Tempat dibesarkan	3.8934	3	0.2732	Tidak signifikan
Pekerjaan terdahulu	2.1039	4	0.7166	Tidak signifikan
Pengalaman berniaga	5.4330	4	0.2456	Tidak signifikan

### 5.1.4. Hubungan Di Antara Latar Belakang Syarikat Dengan Masalah-masalah Dalaman Yang Dihadapi Oleh Responden

Bagi menentukan sama ada terdapat hubungan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden, ujian dijalankan dengan berpandukan kepada hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden.

Jadual 5.4 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden memandangkan nilai-p bagi semua angkubah yang dikaji melebihi 0.05. Ini menunjukkan bahawa  $H_0$  diterima untuk menunjukkan hubungan di antara angkubah-angkubah tersebut dengan masalah dalaman yang dihadapi oleh responden.

**Jadual 5.4**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Syarikat dengan Masalah Dalaman Yang Dihadapi Oleh Responden**

Latar Belakang Syarikat	Chi-Square	df	p-value	Keputusan
Sama ada menerima bantuan khidmat nasihat	0.2342	2	0.8894	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan teknikal	0.3294	2	0.8481	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa	0.9809	2	0.3714	Tidak signifikan
Sama ada pernah menjalani latihan	0.1392	2	0.7089	Tidak signifikan
Jenis latihan yang pernah diikuti	2.3459	4	0.6724	Tidak signifikan
Sama ada menyertai skim vendor	0.8025	1	0.3703	Tidak signifikan
Saiz syarikat	0.5134	2	0.7735	Tidak signifikan

### 5.1.5. Hubungan Di Antara Latar Belakang Syarikat Dengan Masalah-masalah Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden

Pengujian Chi-Square digunakan untuk menentukan perhubungan di antara jumlah jam sehari untuk berniaga dengan prestasi responden berdasarkan hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah luaran yang dihadapi oleh responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah luaran yang dihadapi oleh responden.

Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara semua elemen latar belakang syarikat dengan masalah luaran yang dihadapi oleh responden, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.5 di bawah ini.

**Jadual 5.5**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Syarikat dengan Masalah Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden**

Latar Belakang Syarikat	Chi-Square	D.F.	P-Value	Keputusan
Sama ada menerima bantuan khidmat nasihat	0.4912	2	0.7822	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan teknikal	0.0486	2	0.9759	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa	0.4618	2	0.7938	Tidak signifikan
Pernah menjalani latihan	0.1631	1	0.6862	Tidak signifikan
Jenis latihan yang diikuti	4.8575	4	0.3022	Tidak signifikan
Sama ada menyertai skim vendor	0.0381	1	0.8451	Tidak signifikan
Saiz syarikat	2.5601	2	0.2780	Tidak signifikan

#### 5.1.6. Hubungan Di Antara Latar Belakang Syarikat Dengan Gabungan Masalah-masalah Dalaman dan Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden

Ujian selanjutnya adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman dan masalah luaran yang dihadapi oleh responden. Hipotesis untuk ujian ini adalah:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan masalah dalaman dan masalah luaran yang dihadapi oleh responden.

Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara semua elemen latar belakang syarikat dengan masalah dalaman dan masalah luaran yang dihadapi oleh responden, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 5.6**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Syarikat dengan Gabungan Masalah Dalaman dan Masalah Luaran Yang Dihadapi Oleh Responden.**

Latar Belakang Syarikat	Nilai Chi-Square	D.F.	P-value	Signifikan
Sama ada menerima bantuan khidmat nasihat	1.6341	2	0.4417	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan teknikal	0.9535	2	0.6208	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa	0.1980	2	0.9057	Tidak signifikan
Pernah menjalani latihan	1.1369	1	0.2863	Tidak signifikan
Jenis latihan yang diikuti	0.9055	4	0.9237	Tidak signifikan
Sama ada menyertai skim vendor	0.2880	1	0.5914	Tidak signifikan
Saiz syarikat	0.8288	2	0.6607	Tidak signifikan

## 5.2. Hubungan Di Antara Masalah-masalah Yang Dihadapi Dengan Prestasi Responden

Masalah dalaman yang diuji termasuk pengurusan secara umum, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan pengeluaran manakala masalah luaran adalah termasuk masalah persaingan dengan syarikat besar, peraturan kerajaan, kekurangan bantuan khidmat nasihat, jaringan kerjasama dengan usahawan Bumiputera, jaringan kerjasama dengan usahawan bukan Bumiputera, bekalan bahan mentah dan inflasi. Masalah dalaman dan luaran pula adalah masalah pemasaran secara umum, pemasaran untuk eksport, lokasi perniagaan, mendapatkan pekerja mahir, teknologi dan kewangan. Analisis ini dijalankan dengan tujuan untuk menentukan

hubungan setiap item dengan prestasi usahawan sama ada responden dikategorikan sebagai usahawan kurang berjaya dan usahawan berjaya.

### 5.2.1. Hubungan Di Antara Masalah-masalah Dalaman Yang Dihadapi Dengan Prestasi Responden

Pengujian ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan di antara masalah-masalah dalaman dengan prestasi usahawan. Ujian-ujian yang dijalankan adalah berdasarkan hipotesis-hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah dalaman dengan prestasi responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah dalaman dengan prestasi responden.

Penemuan dalam kajian ini diringkaskan seperti dalam Jadual 5.7 yang menunjukkan bahawa tiada satu pun masalah dalaman yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi responden.

**Jadual 5.7**  
**Hubungan di antara Masalah-masalah Dalaman Dengan Prestasi Responden**

Pengurusan	0.0057	1	0.9396	Tidak signifikan
Pengurusan sumber tenaga manusia	0.1880	1	0.6645	Tidak signifikan
Pengurusan kewangan	1.5292	1	0.2162	Tidak signifikan
Pengurusan pengeluaran	0.1307	1	0.7176	Tidak signifikan



### 5.2.2. Hubungan Di Antara Masalah-masalah Luaran Yang Dihadapi Dengan Prestasi Responden

Pengujian berikut adalah untuk melihat sama ada terdapat hubungan di antara masalah-masalah luaran dengan prestasi responden. Ujian yang dijalankan adalah berdasarkan hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah luaran dengan prestasi responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah luaran dengan prestasi responden.

Jadual 5.8 menunjukkan bahawa di antara semua masalah-masalah luaran yang dihadapi oleh responden, hanya masalah inflasi yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi responden memandangkan nilai-p angkubah inflasi adalah 0.0177 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa hipotesis alternatif diterima untuk hubungan di antara masalah-masalah luaran dengan prestasi responden.

**Jadual 5.8**  
**Hubungan di antara Masalah-masalah Luaran dengan Prestasi Responden**

Persaingan	0.0260	1	0.8718	Tidak signifikan
Peraturan-peraturan kerajaan	0.2249	1	0.6353	Tidak signifikan
Bantuan khidmat nasihat	1.3810	1	0.2399	Tidak signifikan
Kerjasama dengan usahawan Bumiputera	0.0696	1	0.7918	Tidak signifikan
Kerjasama dengan usahawan bukan Bumiputera	0.2115	1	0.6455	Tidak signifikan
Bekalan bahan mentah	0.2150	1	0.6428	Tidak signifikan
Inflasi	5.6250	1	0.0177	Signifikan

### 5.2.3. Hubungan Di Antara Masalah-masalah Luaran Dan Dalaman Yang Dihadapi Dengan Prestasi Responden

Analisis ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan di antara masalah-masalah dalaman dan luaran dengan prestasi responden. Analisis dijalankan berpandukan kepada hipotesis berikut:

$H_0$  : Tiada hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah luaran dan dalaman dengan prestasi responden.

$H_1$  : Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah luaran dan dalaman dengan prestasi responden.

Jadual 5.9 di bawah menunjukkan tiada satu pun masalah-masalah luaran dan dalaman yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi responden. Nilai-p bagi semua angkuabah yang dinyatakan adalah melebihi daripada 0.05 dan melanggar syarat penerimaan  $H_1$ .

**Jadual 5.9**  
**Hubungan di antara Masalah-masalah Luaran dan Dalaman dengan Prestasi Responden**

Masalah-masalah Luaran dan Dalaman	Nilai Chi-Square	Darjah Kebebasan	Nilai-p	Keputusan
Pemasaran	0.1614	1	0.6877	Tidak signifikan
Pemasaran untuk eksport	2.9375	1	0.0865	Tidak signifikan
Lokasi	1.4444	1	0.2294	Tidak signifikan
Mendapatkan pekerja mahir	0.8974	1	0.3434	Tidak signifikan
Teknologi	1.0693	1	0.3010	Tidak signifikan
Pembiayaan kewangan	0.3038	1	0.5814	Tidak signifikan

#### 5.2.4. Hubungan Di Antara Masalah Dalaman, Masalah Luaran dan Gabungan Masalah Dalaman dan Luaran Yang Dihadapi Dengan Prestasi Responden

Analisis berikut adalah menentukan jika terdapat hubungan di antara masalah dalaman, masalah luaran dan masalah dalaman dan masalah luaran dengan prestasi responden. Masalah-masalah yang dianalisis dalam ujian ini merupakan gabungan daripada masalah-masalah yang telah dihuraikan satu persatu seperti yang terdapat dalam ujian-ujian 5.2.1, 5.2.2 dan 5.2.3 . Analisis ini dijalankan berpandukan kepada hipotesis berikut:

- $H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah yang dihadapi dengan prestasi responden.
- $H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah-masalah yang dihadapi dengan prestasi responden.

Keputusan yang terdapat dalam dalam Jadual 5.10 menunjukkan tiada satu pun masalah yang dihadapi mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi responden. Nilai-p bagi semua masalah yang diuji lebih besar daripada 0.05 dan melanggar syarat penerimaan  $H_1$ .

**Jadual 5.10**  
**Hubungan di antara Masalah Dalaman, Masalah Luaran dan Gabungan Masalah Dalaman dan Luaran dengan Prestasi Responden**

Masalah Yang Dihadapi	Ujian	df	Nilai-p	Keputusan
Masalah Dalaman	2.7857	1	0.0951	Tidak signifikan
Masalah Luaran	0.4861	1	0.4856	Tidak signifikan
Masalah Dalaman dan Luaran	0.0052	1	0.9420	Tidak signifikan

### 5.3. Hubungan Di Antara Latar Belakang Peribadi Dan Latar Belakang Syarikat Dengan Prestasi Responden

Analisis yang dijalankan adalah untuk menentukan hubungan setiap elemen-elemen yang diuji dengan prestasi responden.

#### 5.3.1. Hubungan di antara Latar Belakang Peribadi dengan Prestasi Responden

Ujian berikut adalah untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan prestasi responden. Ujian ini dijalankan berpandukan hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan prestasi responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan prestasi responden.

Keputusan dalam Jadual 5.11 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara semua elemen latar belakang peribadi dengan prestasi responden kerana semua nilai-p yang dicatatkan adalah melebihi 0.05 dan melanggar syarat penerimaan  $H_1$ .

**Jadual 5.11**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Peribadi dengan Prestasi Responden**

Tahap pendidikan	12.1358	6	0.0590	Tidak signifikan
Tempat dibesarkan	6.8767	3	0.0759	Tidak signifikan
Pekerjaan terdahulu	3.3680	4	0.4982	Tidak signifikan
Pengalaman berniaga	2.1486	4	0.7084	Tidak signifikan

### 5.3.2. Hubungan Di Antara Latar Belakang Syarikat Dengan Prestasi Responden

Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan prestasi responden, ujian telah dijalankan berdasarkan hipotesis berikut:

$H_0$ : Tiada hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan prestasi responden.

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan prestasi responden.

Jadual 5.12 menunjukkan bahawa di antara ciri-ciri latar belakang syarikat, terdapat tiga angkubah yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi responden memandangkan nilai-p bagi angkubah-angkubah tersebut adalah lebih kecil daripada 0.05 iaitu 0.0036 bagi angkubah sama ada menerima bantuan khidmat nasihat, 0.0044 bagi angkubah sama ada ia menyertai skim vendor dan 0.0020 bagi angkubah saiz industri. Ini menunjukkan bahawa hipotesis alternatif diterima untuk hubungan di antara angkubah-angkubah tersebut bagi prestasi responden.

**Jadual 5.11**  
**Hubungan di antara Latar Belakang Syarikat dengan Prestasi Responden**

Angkubah	Nilai-p	df	Ujian	Keputusan
Sama ada menerima bantuan khidmat nasihat	0.8664	1	0.6484	Tidak signifikan
Sama ada menerima bantuan teknikal	11.2016	1	0.0036	Signifikan
Sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa	1.0479	2	0.5921	Tidak signifikan
Sama ada pernah menjalani latihan	0.0732	1	0.7866	Tidak signifikan
Jenis latihan yang pernah diikuti	0.7043	4	0.9507	Tidak signifikan
Sama ada menyertai skim vendor	8.0868	1	0.0044	Signifikan
Saiz syarikat	12.4168	2	0.0020	Signifikan

## **PENUTUP**

Berdasarkan ujian-ujian yang dijalankan, didapati bahawa terdapat empat ujian hipotesis yang menunjukkan perhubungan yang signifikan iaitu hubungan di antara masalah inflasi dengan prestasi responden, hubungan di antara angkubah sama ada menerima bantuan teknikal dengan prestasi responden, angkubah sama ada menyertai skim vendor dengan prestasi responden dan saiz industri dengan prestasi responden. Manakala bagi ujian hipotesis yang lain, ianya tidak menunjukkan sebarang perhubungan yang signifikan. Keputusan ini menunjukkan bahawa elemen masalah luaran iaitu masalah inflasi dan elemen-elemen latar belakang syarikat sama ada menerima bantuan teknikal, sama ada menyertai skim vendor dan saiz industri mempengaruhi prestasi responden.